

21/11/2003

Konsep produk khusus majukan kraf tangan

Ahmad Fauzi Mustafa

KRAF tangan mampu menjana kegiatan ekonomi yang memberi pulangan lumayan jika diusahakan secara sistematik dan berstrategi. Ini terbukti di beberapa negara, seperti Thailand yang menjadikan kraftangan sebagai industri yang memberi sumbangan kepada ekonomi negara itu.

Di Malaysia, industri kraf tangan mula diberikan perhatian serius dengan penubuhan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM). Perbadanan bertanggungjawab untuk membantu membangunkan industri kraf tangan negara mengikut Akta 222, Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan 1979.

Antara langkah ke arah itu ialah dengan membangunkan usahawan kraf, peniaga kraf berpotensi dan produk berorientasikan pasaran. Selain itu, meningkatkan penggunaan teknologi dalam pengeluaran, memastikan pembekalan bahan mentah berterusan dan berkualiti, mengembangkan pasaran, membangunkan sumber tenaga mahir dan mengekalkan kraf warisan.

Ketua Pengarah PKKM, Zakiah Ahmad, berkata perbadanan itu membantu usahawan kraf dalam pelbagai aspek seperti pengeluaran, pemasaran, pembangunan produk serta pembungkusan dan penggunaan teknologi ba-ru.

Usaha itu bertujuan membolehkan industri kraf tempatan bersaing dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran pasaran sama ada dalam atau luar negara.

Beliau berkata, dari aspek pengeluaran, PKKM memberi penekanan kepada pelaksanaan konsep satu daerah satu industri seperti saranan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Setakat ini 21 kampung dibangunkan melalui konsep itu iaitu di Perak, Perlis, Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak, Pahang, Melaka dan Kedah.

Antaranya ialah Kampung Jenalik Hilir, Kuala Kangsar, Perak dalam bidang anyaman dan mengkuang; Kampung Sebayan di Kudat, Sabah (ribu-ribu) dan Kampung Gong Nangka di Marang, Terengganu (mengkuang).

Projek ini untuk menghasilkan produk lebih tersusun dan sistematik melalui kaedah ala kilang. Menerusi cara ini, produk boleh dikeluarkan dalam jumlah banyak dan berkualiti.

Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melihat lambakan produk kraf tempatan berkualiti di pasaran.

Zakiah berkata, dari aspek pemasaran domestik, PKKM menganjurkan promosi bertema, kempen dan `road show' yang membabitkan usahawan kraf dalam kegiatan jualan dan demonstrasi.

Pada tahun ini, antara kegiatan dianjurkan ialah promosi pottery emotion, promosi kerja kahwin, promosi bisikan Aidilfitri serta promosi warna warni tekstil dan gunaan teknologi baru.

PKKM juga menganjurkan Hari Kraf Kebangsaan pada 28 Februari lalu. Acara itu dapat membantu meningkatkan pendapatan usahawan kraf dari aspek pengeluaran, pemasaran, pembangunan produk, pembungkusan dan penggunaan teknologi baru.

Pada peringkat antarabangsa pula, kata Zakiah, PKKM menyertai pameran perdagangan di luar negara bersama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia. Pada tahun ini, PKKM menyertai pameran perdagangan di Hong Kong, Frankfurt, Tokyo dan Timur Tengah.

"Dalam setiap penyertaan, PKKM membawa bersama usahawan kraf tempatan untuk memberi peluang pasaran kepada mereka," katanya.

Dari aspek pembangunan produk dan pembungkusan, PKKM memberi bimbingan kepada usahawan kraf melalui penganjuran pelbagai bengkel.

Usahawan kraf didedahkan kepada rekaan produk yang dikehendaki pasaran.

Usahawan juga dapat menimba ilham daripada rekaan produk yang dipaparkan oleh pereka dalaman PKKMM ketika promosi bertema.

"Bagi aspek penggunaan teknologi baru, usahawan kraf didedahkan kepada mesin berkomputer seperti mesin berbantuan komputer untuk penghasilan rekaan dan produk tenunan dan batik.

"Ini dapat meningkatkan ilmu dan membuka minda usahawan untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengeluaran dan menjamin kualiti. Di samping itu, produk dapat dihasilkan dalam jumlah banyak," katanya.

Selaras dengan peredaran zaman, inovasi adalah penting. Justeru, PKKMM menubuhkan pusat inovasi seperti Pusat Pembangunan Kraf Perak (Pusat Inovasi Seramik), Pusat Pembangunan Kraf Kelantan (Pusat Inovasi Batik), Pusat Pembangunan Kraf Terengganu (Pusat Inovasi Tenunan) dan Pusat Pembangunan Kraf Pahang (Pusat Inovasi Kayu).

Pusat ini akan memainkan peranan menghasilkan inovasi dari segi penggunaan bahan mentah, proses pengeluaran, teknik pengeluaran dan pembangunan produk.

Mengenai usaha PKKMM untuk memastikan pembekalan tenaga mahir dalam industri kraf, kewujudan Institut Kraf Negara di Jalan Ipoh-Rawang, Selangor mampu melahirkan bakal usahawan kraf berilmu dan berwibawa.

Bidang yang ditawarkan ialah batik, tenunan, seramik, kayu dan logam. Institut itu menawarkan sijil dan diploma dengan memberi lebih penekanan kepada kemahiran. Mereka kemudian boleh memilih untuk melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi, menjadi usahawan, tenaga pengajar atau bekerja di kilang kraf.

Kerajaan memberikan komitmen tinggi dalam membangunkan industri kraf tangan apabila memperuntukkan RM49 juta untuk industri itu dalam Bajet 2004. Daripada jumlah itu, RM17 juta untuk pembangunan dan RM32 juta lagi bagi pengurusan. Peruntukan tahun depan yang hampir sekali ganda berbanding tahun lalu membuktikan bahawa kerajaan yakin dengan industri itu dalam menjana ekonomi penduduk dan negara.

Justeru, pengusaha kecil perlu mengambil manfaat daripada pelbagai peruntukan dan galakan kerajaan untuk membangunkan dan meningkatkan industri kraftangan tempatan.

Zakiah menyifatkan walaupun kerajaan tidak memberikan insentif atau peruntukan secara langsung kepada PKKMM, banyak peruntukan dan pakej yang diperkenalkan boleh digunakan untuk mengembangkan industri kraftangan tempatan.

"PKKMM akan menggunakan semua peluang untuk membantu mempertingkatkan pengusaha kraftangan tempatan," katanya.